

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/10/2012

Anggap kenyataan Tony biadab

um - 9/10/12
KUALA LUMPUR 8 Okt. - Presiden Pertubuhan Pri-bumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali (**gambar**) menyifatkan penghinaan Ketua Publisiti DAP, Tony Pua terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai perbuatan biadab dan tidak berakal.



Ibrahim turut menyelar Ahli Parli-men Petaling Jaya Utara daripada DAP itu sebagai individu yang tidak tahu sejarah kerana sanggup menghina negarawan itu sebagai nyanyuk dan tidak relevan.

"Tun Dr. Mahathir baru pulang dari New York bagi menerima anugerah Habitat-Rafik Hariri Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 2012, jadi kalau hendak menuduh Dr. Mahathir itu nyanyuk, ini biadab, yang tidak cukup akal nya ialah Tony Pua," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Tony hari ini menghina Mahathir sebagai nyanyuk dan tidak relevan bagi mengulas kenyataan negarawan tersebut yang menyifatkan memberi undi kepada pakatan pembangkang sama seperti mengundi George Soros iaitu penyayang mata wang yang kejam.

Menurut Ibrahim yang juga Ahli Parlimen Pasir Mas, Mahathir mengeluarkan kenyataan demikian sebagai peringatan mengenai agenda kuasa asing di negara ini dan ia dibuat berdasarkan fakta serta maklumat.